

Pas terbukti tidak mampu tunaikan janji

UM - 6 DEC 1999

JOHOR BAHRLJ 5 Dis. — Pas terbukti tidak mampu menunaikan janjinya apabila Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat mengakui hakikat bahawa tidak semua kandungan manifesto pilihan raya parti itu di Kelantan, boleh dilaksanakan.

Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, Pas terbukti telah berbohong dan cuba bermain emosi apabila mengeluarkan kenyataan seperti itu bagi mengaburi mata penyokong parti.

Menurutnya, Nik Aziz tidak boleh membuat andaian bahawa parti mana sekali pun tidak mungkin dapat melaksanakan kese-

mua janji dalam manifesto.

Beliau berkata, ini kerana berdasarkan sejarah, Barisan Nasional (BN) sentiasa mengotakan janji yang dibuat dalam manifesto setiap kali selepas pilihan raya.

"BN telah pun mempunyai sejarah menunaikan janjinya dalam manifesto pilihan raya umum sebelum ini dan sebagai orang Islam kita tidak boleh undurkan janji," katanya.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis perkahwinan anak kepada bekas Exco kerajaan negeri Hasmoni Salim di sini, hari ini.

Sabtu lalu, Nik Aziz mengakui tidak semua kan-

dungan manifesto pilihan raya parti bagi Kelantan boleh dilaksanakan.

Beliau sebaliknya mendakwa parti mana sekali pun tidak mungkin dapat melaksanakan kesemua cita-cita mereka disebabkan beberapa faktor.

Syed Hamid berkata, Pas hanya pandai membuat janji dan selepas berjaya memenangi pilihan raya di Kelantan dan membentuk kerajaan negeri baru mereka mengetahui janji-janji tersebut tidak dapat ditunaikan.

Menurutnya, tindakan Pas itu turut cuba mengelirukan penyokong mereka yang cukup mempercayai kejujuran parti itu melaksanakan janji yang mereka telah buat.

Menyentuh mengenai tindakan bekas Menteri Besar Kedah, beliau memuji tindakan Tan Sri Sanusi Junid menolak tawaran Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk dilantik semula sebagai Menteri Besar.

Katanya, tindakan tersebut menunjukkan Sanusi bermaruah tinggi kerana bertanggungjawab sepenuhnya terhadap prestasi teruk BN pada pilihan raya baru-baru ini.

Jelasnya, tindakan itu perlu dihormati oleh semua pihak dan ia merupakan proses yang sihat dalam UMNO dengan memberi peluang kepimpinan baru menerajui negeri itu.